KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18.04.22	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	JMG			

Perlombongan NR-REE dihentikan jika ada impak negatif



Saarani (tengah) menyaksikan penyerahan Ladang Tanaman Semula Komersial (TSK) Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Dala 8 dan 9 di Gerik pada Ahad.

GERIK - Projek perintis perlombongan unsur nadir bumi bukan radioaktof (NR-REE) yang dicadang dibangunkan di mukim Kenering di Hulu Perak tidak akan diteruskan jika pelaksanaanya memberi impak negatif terhadap alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad berkata, cadangan projek perlombongan di tapak projek rintis itu seperti yang diumumkan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) pada Jumaat lepas bukanlah melibatkan pembangunan secara keseluruhannya.

Sebaliknya jelas beliau, lesen perlombongan itu hanya diluluskan kepada Perbadanan Menteri Besar (MB Inc) untuk projek perintis sebelum satu kajian semula dan penilaian impak dilakukan bagi menentukan sama ada boleh diteruskan atau dihentikan.

"Daripada projek perintis inilah nanti kita akan buat kajian secara saintifik, jika baik kita akan teruskan dan jika tidak baik, ia akan dihentikan," katanya dalam sidang akhbar sempena majlis penyerahan Ladang Tanaman Semula Komersial (TSK) Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Dala 8 dan 9 di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kenering, Datuk Mohd Tarmizi Idris; Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa), Sapiah Mohd Nor dan Ketua Pegawai Eksekutif Graha Risda Plantation, Mohamad Arif Ismail.

Dalam laporan media Jumaat lepas, cadangan perlombongan di tapak projek rintis ini adalah inisiatif kerajaan dalam memastikan aktiviti perlombongan NR-REE dijalankan secara cekap dan teratur sebelum diperluaskan ke negeri lain.